

BULETIN KEMENTERIAN PERTAHANAN

PATRIOT

ISSN 1511-1849 BIL : 3/2013



MISI-MISI KEMANUSIAAN

KANDUNGAN

MISI BANTUAN KEMANUSIAAN ATM	4	18	MALAM MEDIA MINDEF SABAH 2013
MINDEF TERIMA ANUGERAH KHAS PENGURUSAN REKOD	7	19	PROGRAM MIDAS (MALAYSIAN INSTITUTE OF DEFENCE AND SECURITY) TALK SIRI 6/2013
INOVASI PENGGERAK KECEMERLANGAN MINDEF	8	20	BRING YOUR OWN DEVICES...
KARNIVAL 1 MINDEF BERI LEBIH PROMOSI KEPADA KEMENTERIAN	9	21	MINGGU KESIHATAN 2013
KORBAN KAKEP	10	22	PERBARISAN PENYAMPAIAN BERET MERUN SAYAP PENERJUNAN 10 BRIGD PARA
55 MINDEF SUMBER RUJUKAN ORGANISASI LAIN	11	23	PROGRAM INSPIRASI DAN APRESIASI USAHAWAN VETERAN ATM TIDAK BERPENECEN
LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KE KUDAT	12	24	80 TAHUN - ATM PERKASA KEDAULATAN TERPELIHARA
4KN BERI MANFAAT	13	26	PUSAT SEHENTI VETERAN BERI MANFAAT KEPADA VETERAN ATM
MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA KURSUS PEMERINTAHAN DAN STAFF MALAYSIA (KPSM) SIRI 42/2013	14	27	KURSUS KADAR BAKAL PTT (S) SIRI 1/2013 REJIMEN 502 ASKAR WATANIAH
<i>Majlis Makan Malam</i> BERSAMA SULTAN BRUNEI	15	28	RAYUAN TABUNG HARI PAHLAWAN
Misi-Misi Bantuan KEMANUSIAAN	16	30	GO GREEN MINDEF

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan...

Hidup tidak selalunya indah, langit tidak selalunya cerah. Itulah lumrah kehidupan di dunia ini yang sentiasa berselang-seli antara susah dan senang menguji ketahanan kita sebagai umat manusia. Kadangkala ujian itu datang kepada kita tanpa diduga dalam pelbagai bentuk yang dahsyat. Kejadian dalam bentuk bencana alam bukan sahaja terjadi di luar negara, malah Malaysia juga tidak lari dari pelbagai bentuk bencana seperti banjir besar, tanah runtuh, runtuh bangunan dan sebagainya. Maka, di sinilah peranan Kementerian Pertahanan amnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya mengambil tempat dalam bentuk misi bantuan kemanusiaan.

Sebagai rakyat Malaysia, sememangnya banyak perkara yang seharusnya kita syukuri antaranya adalah tahap kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sentiasa bersedia berdepan dengan apa jua keadaan bencana yang bakal menimpa. Peranan ATM amat penting dalam menjaga kedaulatan dan keselamatan Malaysia serta rakyatnya. Bukan sahaja misi kemanusiaan di dalam negara diambil kira, malah misi luar negara juga turut menjadi agenda untuk memastikan keamanan sejagat sentiasa dipelihara.

Sekalung tahniah diucapkan kepada anggota ATM yang bukan sahaja telah mengekalkan keamanan, tetapi juga telah menghulurkan bantuan keperluan harian rakyat seperti pembinaan jalan raya di kawasan luar bandar melalui projek "Jiwa Murni". Sama ada negara sedang diancam oleh kuasa luar atau tidak, perlu untuk kita ingat bahawa perkhidmatan ATM tetap merupakan sesuatu yang tidak ternilai bagi kita semua. Sememangnya tanggungjawab yang dipikul benar-benar merupakan satu tugas yang amat mulia, dan ingatlah bahawa ATM sentiasa berada dalam fikiran kami semua sewaktu mereka sedang gigih berkhidmat untuk negara.

Sekian, Wassalam. Salam penuh kemesraan.

SIDANG REDAKSI



PENANUNG

Y.Bhg Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia

PENASIHAT 1

Y.Bhg Dato' Jalil bin Marzuki
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

PENASIHAT 2

Haji Johari bin Mohd
Ketua Komunikasi Korporat

KETUA EDITOR

Masnoor bin Ashaari

EDITOR

Nazrie bin Saini

WARTAWAN

Fazliatul bte Mohd Isa
Kpl U (W) Nor Aini bte Abdul Rahman
Pbt Raharnizam Faez bin Rahmat

PENULIS TAMU

Kapt Mohd Hafiz bin Sabilan (MinDef Sabah)
Sjn Aidi bin Mat Amin (UKK)
Nor Hayati bte Abdul Khalid (Pelatih UiTM)
Nurul Nazihah bte Mohd Baharim (Pelatih Politeknik)
Wan Elfina bte Wan Kamarozaman (Kolej Poly-TECH MARA)
Zaidatul Athilla bte Zainal (Pelatih UiTM)

FOTO

Sel Liputan &
Sel Rujukan dan Penerbitan, UKK

TERBITAN DAN EDARAN

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertahanan Malaysia

Sidang redaksi Buletin PATRIOT mengalu-alukan sumbangan artikel mengenai aktiviti Kementerian, Jabatan dan agensi dibawahnya. Artikel hendaklah ihtar kepada:

Editor

Buletin PATRIOT
Unit Komunikasi Korporat
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur
Tel: 03-2071 4008
Emel: nazrie@mod.gov.my

MISI BANTUAN KEMANUSIAAN ATM

Artikel : Zaidatul Athilla Binti Zainal (Pelatih UiTM)
Foto: Sel Rujukan dan Penerbitan, UKK

Begitulah bermaknanya bakti yang ditabur oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia ke atas setiap usaha yang telah diberikan kepada mereka yang memerlukan tidak kiralah sama ada mereka merupakan rakyat Malaysia atau bukan. Selagi khidmat diperlukan, mereka sanggup turun memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam mahupun mangsa terperangkap di kawasan darurat. Banyak usaha telah dilakukan oleh pihak ketenteraan Malaysia dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan manusia terpelihara.

Antara bencana yang pernah menjadi sejarah dalam misi bantuan kemanusiaan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ialah kejadian gempa bumi di Padang, Indonesia yang berlaku pada 30 September 2009 berukuran hampir 8 skala Richter. Bencana tersebut telah mengakibatkan beratus-ratus nyawa terkorban. Mangsa yang diselamatkan oleh Angkatan Tentera ialah pelajar-pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di Padang dan kebanyakannya merupakan pelajar dari Universiti Andalas. Misi bantuan telah dilaksanakan oleh ATM dengan menggunakan pesawat C130 Hercules dan CN235.

**Beras ditanak menjadi nasi,
Benih ditanam menjadi rimbunan,
Budi ditanam menjadi bakti,
Bakti dituai menjadi sanjungan.**

Sesuai dengan seruan sebagai misi bantuan kemanusiaan, bantuan tidak hanya diberikan kepada rakyat Malaysia yang terlibat, malah turut disalurkan kepada masyarakat setempat di kawasan terlibat bencana. Antara bantuan yang telah diberikan adalah bantuan berbentuk perubatan oleh Kor Perubatan Diraja ATM dan bantuan mencari dan menyelamatkan oleh pasukan khas SMART.

Selain itu, terdapat usaha dan bantuan menyelamatkan dilakukan oleh ATM bukan sahaja di negara jiran yang berdekatan malah bantuan turut diberikan kepada negara Asia seperti Jepun. Peristiwa tsunami dan gempa bumi yang berlaku di Malaysia pada tahun 2004 telah memberi kesedaran kepada kerajaan Malaysia tentang kesengsaraan dan trauma yang dialami oleh mangsa yang terlibat seterusnya membawa kepada usaha penyaluran bantuan kepada negara matahari terbit tersebut.

Bencana tersebut telah berlaku pada 11 Mac 2011 dan pasukan penyelamat telah dihantar dengan menggunakan pesawat Charlie130.

Antara misi besar ATM yang masih diingati sehingga ke hari ini ialah misi menyelamatkan pelajar Malaysia di Mesir dan dikenali sebagai Ops Piramid.



Kegilaan rakyat Mesir yang ingin menggulingkan pemimpin dan kerajaan di sana telah menyebabkan rakyat Malaysia yang menetap di negara itu terperangkap dan memerlukan bantuan segera untuk keluar dari kemelut yang kian memuncak. Misi tersebut diadakan selama empat hari berturut-turut dengan 18 penerbangan mengikut penerbangan RMF 497, 498, dan 499 dan jumlah rakyat Malaysia yang telah berjaya dibawa keluar dari Mesir seramai 3482 orang.

Terbaru, ATM telah melaksanakan operasi membantu dan menyelamatkan mangsa taufan Haiyan yang berlaku pada sekitar akhir tahun 2013. Taufan tersebut dikatakan berkelajuan 315 kilometer sejam dianggarkan telah mengorbankan lebih 10 000 nyawa rakyat Filipina. Atas dasar kemanusiaan, ATM telah menyertai pasukan Bantuan Kemanusiaan Taufan Haiyan. Walaupun parut peristiwa Lahad Datu yang ditinggalkan oleh negara tersebut masih terkesan, namun itu tidak menjadi penyebab untuk tidak membantu negara jiran tersebut.

Selepas memberikan segala bantuan termampu kepada pihak-pihak yang memerlukan terutamanya berkaitan bencana di luar negara, kerajaan sedar akan keperluan dan kepentingan ATM sebagai penyokong, pembantu dan penyelamat dalam situasi sukar. Kepentingan ini telah membawa kepada satu usaha murni yang dibangunkan oleh mantan Menteri Pertahanan, iaitu Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Pertahanan sekarang Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein yang telah bertukar portfolio untuk melaksanakan kerjasama dalam membentuk pasukan bantuan berbentuk kemanusiaan kepada rakyat Malaysia.



Kerjasama yang dimaksudkan ialah perjanjian kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy) atau lebih dikenali sebagai NBOS. Strategi ini terbahagi kepada 8 peringkat utama yang mana 7 daripadanya melibatkan usaha dan tanggungjawab yang bakal digalas oleh ATM. Pelan starategi ini telah bermula seawal tahun 2009 lagi dan dilaksanakan secara berperingkat.



Kini, pelan strategi tersebut sudah dilaksanakan sepenuhnya dan akan diteruskan serta dikekalkan bagi memastikan kesejahteraan dan keamanan negara berada pada tahap terbaik. Kekuatan gabungan tenaga anggota tentera dan polis serta pihak berkuasa lainnya telah memberikan bayangan bahawa di sebalik pakaian uniform yang disarungkan mereka, tidak bermakna tanggungjawab mereka hanya untuk memastikan keselamatan rakyat malah bagi memastikan semua rakyat Malaysia mampu hidup sejahtera dengan pelbagai bantuan serta sokongan menghadapi kesukaran.

Antara aktiviti serta program yang telah dilaksanakan melalui pelan strategi ini ialah Program Pemasarakatan Banduan yang kini sudah berjaya dilaksanakan sebanyak tiga kali dalam tempoh 4 tahun ini. Selain itu, program bantuan rumah bagi bekas veteran angkatan tentera yang tidak berpencen telah diadakan bagi memberikan penempatan yang selesa kepada golongan yang berkenaan. Aktiviti atau program yang paling kerap dilaksanakan dalam pelan strategi ini ialah bantuan mencari dan menyelamatkan mangsa banjir yang sudah semestinya merupakan situasi utama yang sentiasa berlaku di Malaysia terutama dalam tempoh tiga bulan terakhir setiap tahun.



Bantuan-bantuan yang telah dilaksanakan oleh ATM ini bukan sahaja datang daripada usaha ATM semata-mata, malah banyak usaha yang dibangunkan bersama badan-badan lain turut diadakan bagi membantu dalam misi bantuan dan menyelamatkan mangsa bencana di seluruh benua. Antara kerjasama yang telah dibangunkan ialah kerjasama bersama Puncak Niaga dalam memberikan sumber bekalan air bersih. Diharapkan

dengan adanya pelbagai usaha ini, masyarakat dunia dapat membuka mata tentang kepentingan ATM dan menjadikan ATM sebagai contoh kepada negara luar. Mereka ini bukan sahaja merupakan pahlawan dan perwira negara, malah kita sebagai rakyat Malaysia, berbangga kerana mempunyai pasukan keselamatan yang mampu melaksanakan tanggungjawab utama mereka iaitu menyelamatkan umat manusia tanpa mengenal sahabat, seteru mahupun warna kulit.



MINDEF TERIMA ANUGERAH KHAS PENGURUSAN REKOD

Artikel: Nazrie bin Saini
Foto: Sjn Riau ak Ansang

Bersempena dengan Sambutan Ulangtahun Arkib Negara yang ke 56, Kementerian Pertahanan telah mendapat pengiktirafan dalam pengurusan rekod. Kementerian berjaya mendapat tempat ketiga dan seterusnya menerima sijil Penghargaan yang disampaikan oleh Y.Bhg Dato' Hajah Daresah Haji Ismail, Ketua Pengarah Arkib Negara. Penilaian adalah berdasarkan markah tertinggi yang diperolehi oleh setiap Kementerian dalam Penilaian Penarafan Bintang (A6 Pengurusan Rekod) pada 2012 yang dipilih oleh untuk penilaian khas oleh pasukan inspektorat daripada Arkib Negara. Menjadi 3 terbaik antara 9 Kementerian yang dinilai membuktikan Kementerian Pertahanan juga mampu melaksanakan peraturan pengurusan rekod yang teratur sekaligus membantu dalam tujuan keselamatan, pemeliharaan dan rujukan orang ramai.



INOVASI PENGGERAK KECEMERLANGAN MINDEF

Artikel: Nor Hayati bte Abdul Khalid (Pelatih UiTM)

Foto: Sjn Shahrulhezar bin Azizan

Dengan penyertaan sebanyak 49 projek inovasi memberikan kesempatan Kementerian Pertahanan melaksanakan Majlis Sambutan Hari Inovasi yang juga merupakan aktiviti tahunan. Majlis yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri diadakan di Wisma Perwira ATM pada 29 November 2013 bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada projek-projek inovasi yang dihasilkan oleh warga Kementerian Pertahanan. Dalam pertandingan Inovasi ini, 5 kriteria inovasi diperkenalkan iaitu:

- Kategori Pengurusan Sumber Manusia
- Kategori Pengurusan Projek
- Kategori Pengurusan Kewangan
- Kategori Pengurusan Pelanggan
- Kategori Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bagi kategori Pengurusan Sumber Manusia Markas 1 Divisyen dengan Projek Peranan Askar Wataniah dalam meningkatkan pengawasan dan keselamatan kawasan tanggungjawab 1 Divisyen telah diangkat sebagai juara kategori tersebut. Bagi kategori Pengurusan Kewangan pula, memberikan tuah kepada Markas 1 Divisyen dengan projek urus gaji Angkatan Tentera 1 Divisyen. Projek Malacca Straits co-Tidal Chart dan Tide Information System (MASCOSTIS) yang dicipta oleh Pusat Hidrografi Nasional mengguguli kategori pengurusan teknologi Maklumat dan Komunikasi. Kategori kelima iaitu pengurusan projek telah dimenangi oleh Depot Simpanan dan Letupan TLDM dengan projek Ballast Release Mechanism (BRM). Bagi kategori Pengurusan pelanggan pula Markas 1 Divisyen sekali lagi memenangi tempat pertama dengan projek Pusat Pergigian Angkatan Tentera Regional 1 Divisyen (PGAT Regional 1 Div).

Majlis tersebut juga telah diserikan dengan persembahan dari Kumpulan KOSWA dengan nyanyian lagu Malaysia Inovatif serta persembahan kumpulan muzik Gelombang Biru. Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri telah menyempurnakan penyampaian anugerah kepada pemenang dan turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Dr. Hj Ismail Haji Ahmad, Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal Hj Abdul Samad TUDM, Laksdya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin, Timbalan Panglima Tentera Laut mewakili Panglima Tentera Laut serta Pegawai Kanan, pegawai dan anggota TLDM serta Pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.



KARNIVAL 1 MINDEF

BERI LEBIH PROMOSI KEPADA KEMENTERIAN

Artikel: Wan Elfina bte Wan Kamarozaman (Pelatih Kolej Poly-TECH MARA)
 Foto: Sjn Riau ak Ansang



Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival 1MinDef 2013 di Dataran Persiaran Dato Haji Ismail Hassan, Kluang, Johor pada 4 Oktober 2013. Karnival yang diadakan dari 4 hingga 6 Oktober ini merupakan acara tahunan anjuran Kementerian Pertahanan yang diadakan bagi memberi pendedahan secara dekat dan efektif kepada masyarakat berbilang kaum tentang peranan, fungsi dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan amnya

dan Angkatan Tentera Malaysia khususnya terhadap keselamatan, keamanan dan kemajuan negara serta agensi-agensi lain.

Dalam majlis tersebut, Menteri Pertahanan turut mengumumkan bahawa Jabatan Latihan Khidmat Negara akan memperkenalkan dua Sub-Modul baru di kem-kem PLKN di seluruh negara bermula Januari 2014 iaitu Malaysia Berdaulat dan Klik Bijak @ PLKN. Pengenalan Sub-Modul Malaysia Berdaulat ini bertujuan memastikan setiap rakyat

Malaysia khususnya generasi muda mempunyai semangat patriotisme yang tinggi serta memahami asas kedaulatan negara. Sementara itu, Sub-Modul Klik Bijak @ PLKN dibangunkan setelah mengambil kira keperluan untuk menambahbaik Modul Pembinaan karakter dengan memasukkan elemen yang mampu mendidik pelatih-pelatih PLKN berkaitan keselamatan, waspada dan tanggungjawab di dalam melayari internet dan menggunakan media sosial.





KORBAN KAKEP

Artikel: Nor Hayati bte Abdul Khalid (Pelatih UiTM)
Foto: LU II Mohamad Sharel Affendi bin Idris

Bersempena dengan Program “Hari Bersama KSU” satu Majlis Korban dianjurkan oleh Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan atau akronimnya KAKEP pada 17 Oktober 2013, Majlis yang dihadiri sendiri oleh Ketua Setiausahaanya, Dato Sri’ Dr Hj Ismail bin Hj Ahmad di Komplek Induk, STRIDE, Kajang. Sebanyak 12 ekor lembu dikorbankan dan diagihkan kepada ahli KAKEP. Pada majlis tersebut juga aktiviti gotong-royong menyembelih lembu dilaksanakan seterusnya dimasak dan dihidangkan kepada semua yang hadir. Majlis berkenaan juga dihadiri oleh Ketua-ketua Bahagian serta ahli KAKEP. Semoga dengan adanya aktiviti bersama KSU lebih menjalinkan kerjasama erat sekaligus merapatkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.



5S MINDEF

SUMBER RUJUKAN ORGANISASI LAIN

Artikel: Nurul Nazihah Binti Mohd Baharim (Pelatih Politeknik)
Foto: Pbt Yussuhaimi bin Yusuf

Amalan Persekitaran Berkualiti 5S merujuk kepada Sisi, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal. Amalan 5S perlu dititikberatkan di dalam setiap organisasi di seluruh Malaysia tidak kira organisasi kerajaan mahupun swasta. Melalui amalan 5S, cara pengurusan kerja akan menjadi lebih sistematik, lebih teratur dan suasana pejabat akan menjadi lebih selesa dan kemas. Faktor keadaan ruang pejabat yang bersih dan tersusun rapi akan menjadikan kerja yang dijalankan lebih efektif dan lebih produktif.

Perlaksanaan 5S di Kementerian Pertahanan telah membuka mata organisasi luar untuk lebih mengenali MinDef dengan mengadakan lawatan bagi melihat sendiri bagaimana warga Kementerian Pertahanan melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Bertempat di Bangunan Zetro, Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am telah menerima kunjungan daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Dengan adanya lawatan ini, sekali lagi menjadikan Kementerian Pertahanan sebagai sumber rujukan dan dorongan serta contoh terbaik kepada organisasi lain dalam pelaksanaan 5S. Secara tidak langsung membuktikan bahawa Kementerian Pertahanan berjaya dalam pelaksanaan 5S.

Perkongsian sebegini diharap dapat menjadi motivasi kepada organisasi yang akan menjalankan amalan 5S dan seterusnya meningkatkan kualiti persekitaran pejabat yang lebih selesa dan bermanfaat.





LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KE KUDAT

Artikel: Kapt Mohd Hafiz bin Sabilan
Foto: Pbt Zaid Zaidy bin Zulkifli

Lawatan kerja Timbalan Menteri Pertahanan, Y.B Datuk Abdul Rahim Bakri selama dua hari ke Sabah bertujuan melawat kawasan Tapak Cadangan Kem Tentera di Kudat melibatkan 226 ekar tanah di kawasan Pantai Barat Sabah. Cadangan kem tersebut memantapkan lagi perluasan Esscom di kawasan timur Malaysia.

Turut serta dalam lawatan ini ialah Pengarah Pertahanan Esscom, Mejar Jeneral Datuk Abdul Halim bin Hj Jalal, Panglima 5 Briged, Jeneral Datuk Ranjit Singh Ramday, Pengarah MinDef Sabah, Encik Nor Akmal bin Abdul Manap, Timbalan Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan Malaysia, Tn Syed Ramli bin Syed Shaari dan juga beberapa orang pegawai kanan awam dan tentera.

Lawatan ini diterbangkan khas dengan pesawat Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang berpangkalan di Labuan. Selesai lawatan ke tapak cadangan projek, beliau turut melawat kawasan operasi di Pulau Banggi yang merangkumi sektor utara operasi.

Pada hari ke-2, beliau melawat Projek Perumahan Kakitangan Awam di Sabindo, Papar. Terdapat sebanyak 99 unit rumah bagi projek perumahan tersebut. Timbalan Menteri Pertahanan turut diberikan taklimat berkaitan projek berkenaan oleh Pengarah MinDef Sabah.





4KN

BERI MANFAAT

Artikel: Nurul Nazihah bte Mohd Baharim
Foto: Sjn Riau ak Ansang

Bertempat di RTC Kota Bharu, Kelantan, satu Majlis Pelancaran Karnival Kedaulatan, Keselamatan, dan Kesejahteraan Negara telah dijayakan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein. Karnival ini juga dikenali sebagai 4KN diadakan pada 11 Oktober 2013.

Penganjuran karnival 4KN ini bertujuan mewujudkan hubungan positif antara kerajaan dan rakyat berhubung dengan isu-isu yang berkaitan dengan pertahanan, keselamatan dan kesejahteraan negara. Selain itu, karnival ini dapat meningkatkan kesedaran rakyat terhadap konsep pertahanan dan keselamatan secara mendalam dan menyeluruh. Karnival ini dilaksanakan kepada masyarakat kerana kementerian ingin menerangkan dan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai konsep pertahanan dan keselamatan di negara kita.

Majlis ini dianjurkan secara bersama antara Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah. Karnival ini juga mendapat kerjasama daripada agensi-agensi di bawah kementerian masing-masing. Majlis ini juga mendapat sambutan hangat daripada masyarakat.



WISHING YOU THE BEST

MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA KURSUS Pemerintahan dan Staff MALAYSIA (KPSM) SIRI 42/2013

Artikel: Nurul Nazihah bte Mohd Baharim (Pelatih Politeknik)
Foto: LK 1 PNK Mohd Hafizan bin Resali



Satu majlis telah diadakan bagi meraikan kejayaan para graduan yang berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat diploma sempena Kursus Pemerintahan dan Staf Malaysia Siri 42/2013. Majlis yang diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan pada 12 Disember 2013 membatik peserta dari ketigatiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

Para graduan yang berjaya telah menerima Sijil dan Penganugerahan daripada Timbalan Menteri Pertahanan Yang Berhormat Datuk Abd Rahim bin Bakri. Dalam majlis tersebut Mejar Liza Sakiran dari Rejimen Semboyan Diraja telah dianugerahkan sebagai 'Board of Governors Award For Best Overall Course Participant' dan 'Haigate Award For Best Course Participant in Military Studies'.



Kursus anjuran Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) ini diikuti seramai 166 graduan masing-masing terdiri dari Tentera Darat seramai 77 orang, Tentera Laut Diraja Malaysia (20), Tentera Udara Diraja Malaysia (20), seorang wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta 48 orang tentera luar negara. Mereka diwajibkan menghadiri kursus selama 49 minggu bermula dari 7 Januari sehingga 15 Disember 2013.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli Mohd Zin dan isterinya Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom Wan Awang, Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Bin Jaafar dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Rodzali Bin Daud TUDM.



MAJLIS MAKAN MALAM REJIMENTAL
 SEMPERNA LAWATAN RASMI
 DYTM PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
 11 NOV 2013



Majlis Makan Malam
BERSAMA SULTAN BRUNEI

Artikel: Wan Elfina bte Wan Kamarozaman (Pelatih Kolej Poly-TECH MARA)
 Foto: Sjn Shahrulhezar bin Azizan

Majlis makan malam telah diadakan bersempena lawatan rasmi DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Negara Brunei Darussalam. Turut hadir sempena lawatan rasmi tersebut ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menerima menghadap Pengiran Muda Mahkota Brunei Haji Al-Muhtadee Billah Sultan Ibni Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah di Istana Negara. Majlis Makan Malam ini disambut Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan isteri Datin Seri Tengku Marsilla Tengku Abdullah serta Timbalan Menteri Luar Datuk Hamzah Zainuddin dan isteri Datin Norashikin Datuk Abdul Ghani. Pengiran Muda Mahkota dan isteri dirai dengan Santapan Malam Diraja di Dewan Seri Maharaja. Turut berangkat ke majlis itu anakanda Seri Paduka Baginda Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz dan Datuk Seri Diraja Tunku Soraya serta delegasi pegawai kanan Brunei Darussalam.

Pengiran Muda Mahkota mengadakan lawatan rasmi lima hari ke negara ini bagi memperkukuh hubungan dua hala antara Brunei dan Malaysia selain memantapkan lagi kerjasama dalam bidang pertahanan serta ekonomi. Baginda melawat Kementerian Pertahanan dan menyertai latihan serta demonstrasi bersama Angkatan Tentera Malaysia di Kem Terendak, Melaka dan Kem Iskandar di Mersing, Johor serta dikurnia Beret Hijau dan Sayap Penerjunan PARA Kehormat pada penghujung latihan.



Misi-Misi Bantuan KEMANUSIAAN

15 FEB 2013

Bantuan Sumbangan Veteran Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M) – Mersing oleh YB Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan



15 Mac 2011

Penghantaran Barang Keperluan Mangsa Tsunami ke Jepun



3 Mei 2011

Lawatan Projek Jiwa Murni ke Perkampungan Orang Asli Bukit Payung Simpang Ampat, Melaka



05 Jun 2013

Lawatan Kerja oleh YB Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan ke kawasan OPS Daulat Lahad Datu, Sabah

23 Julai 2011

Program Pemasyarakatan Banduan di Kem Bt. 10, Kuantan



08 Dis 2013

Lawatan YB Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan ke Penempatan Mangsa Banjir di Sek. Men. Bengol, Kemaman, Terengganu



14 DIS 2013

Program Bantuan Pasca Banjir di Taman Tas Jaya

DISEMBER 2013

OPS Haiyan sumbangan dari Bahagian Operasi dan Latihan Pertahanan (BOLP) Mejar Marzuki





MALAM MEDIA MINDEF SABAH 2013

Artikel: Kapt Mohd Hafiz bin Sabilan (MinDef Sabah)
Foto: Pbt Mohd Zaid Zaidy bin Zulkifli

Kerjasama baik Kementerian Pertahanan dengan media mampu menyumbang kepada kesejahteraan dan keamanan terutama bagi menghadapi ancaman dalam dan luar Negara. Sehubungan itu, Majlis Malam Media Mindef Sabah 2013 telah diadakan bertempat di Sutera Pacific, Sutera Harbour Kota Kinabalu bagi menghargai peranan media terutama di Sabah dalam menyediakan liputan yang positif terhadap Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Abdul Rahim Bakri berkata pelbagai konflik yang berlaku di luar negara seperti perang saudara, pemborontakan malahan peristiwa pendaratan kumpulan pengganas Sulu di Lahad Datu pada awal tahun ini membuktikan media memainkan peranan penting dalam menyalurkan laporan tepat kepada masyarakat.

“Media telah memainkan peranan penting dalam memberikan laporan yang positif dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat dengan baik,” katanya ketika berucap pada Majlis Malam Media Mindef Sabah 2013.

Turut hadir ialah Pengarah Mindef Sabah, Encik Nor Akmal Abdul Manap, Panglima MAWILLA 2 Laksamana Muda Dato’ Pahlawan Mohamad Rosland bin Omar, Panglima 5 Briged Brigdier Jeneral Datuk Ranjit Singh Ramday, Ketua Pengarah JLKN Dato’ Abdul Hadi bin Awang Kechil dan Laksamana Pertama Zulhelmy bin Ithnin Pemangku Panglima Markas Angkatan Kapal Selam.



Arikel: Sjn Aidi bin Mat Amin
Foto: Sjn Shahrulhezar bin Azizan

Seramai 350 Pegawai dan Kakitangan Awam badan beruniform membabitkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pasukan Sukarelawan (RELA), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan awam telah menyertai program MIDAS (*Malaysian Institute of Defence and Security*) TALK SIRI 6/2013 yang berlangsung di Prince Hotel and Residence, Kuala Lumpur.

Program ini bertujuan membicarakan isu semasa dalam bidang pertahanan dan keselamatan. Syarahan diberikan oleh individu yang berkepakaran dalam sesuatu bidang mengenai isu-isu semasa dan kontemporari masa kini. Syarahan telah disampaikan oleh Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail yang bertajuk *Security Offences (Special Measures) Act 2012: Its implications on Defence and Security (SOSMA)* Syarahan ini diadakan khusus untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai isi kandungan SOSMA 2012 yang menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (*Internal Security Act (ISA)*) dan implikasinya terhadap pertahanan dan keselamatan negara. Peserta *MiDAS Talk* adalah terdiri daripada agensi-agensi pertahanan dan keselamatan serta agensi penguatkuasa yang perlu peka terhadap akta ini dalam melaksanakan penguatkuasaan.

SOSMA diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 April 2012, diberikan perkenan Diraja pada 18 Jun 2012 dan diwartakan pada 22 Jun 2012. Akta ini menyediakan langkah-langkah khas berkaitan kesalahan keselamatan bertujuan mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi hal-hal berkaitan. SOSMA buat pertama kalinya diguna pakai bagi menangkap dan mendakwa pengganas Sulu semasa insiden pencerobohan di Lahad Datu, Sabah baru-baru ini. Sehubungan itu, perkongsian pengalaman dan sesi interaktif bersama Peguam Negara ini amat bermanfaat sekali untuk dikongsi bersama demi kepentingan pertahanan dan keselamatan negara.



BRING YOUR OWN DEVICES...

Artikel: Nazrie bin Saini
Foto: Pbt Yussuhaimi bin Yusuf

Berkonsepan

“Connected MinDef: BYOD 1 Fenomena iaitu “Bring Your Own Devices”

menjadi tema bagi penganjuran Minggu ICT MinDef bagi tahun 2013. Tema yang membawa maksud memberikan peluang kepada pekerja untuk membawa sendiri peranti mudah alih seperti laptop, tablet, Smartphone di tempat kerja masing-masing dan menggunakannya untuk mengakses maklumat, informasi dan sumber-sumber organisasi disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri. Tarikh 18 September 2013 telah juga menyaksikan beberapa bahagian diiktirafkan sijil MS ISO/IEC 27001:2007-ISMS iaitu Bahagian Pengurusan Maklumat, Jabatan Latihan Khidmat Negara, Jabatan Hal Ehwal Veteran dan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan.

“Information Communication Technology”

singkatan kepada Minggu ICT memberikan ruang dan peluang yang boleh dimanfaatkan bagi perkongsian maklumat secara lebih khusus mengenai teknologi mobiliti dan penyediaan polisi serta memberikan lebih pengetahuan berhubung perkakasan yang terkini bagi manfaat bersama. Minggu ICT dilaksanakan selama 3 hari melibatkan pelbagai agensi teknologi maklumat dan Bahagian Pengurusan Maklumat sendiri di mana lebih daripada 23 ruang pameran dibuka. Pelbagai acara telah diadakan bagi memeriahkan Minggu ICT ini antaranya seminar khas berkaitan Teknologi ICT, Pertandingan Merekacipta Laman Blog BYOD bagi mencari individu yang kreatif. Pertandingan ini dimenangi oleh Mej Mohd Azmi Arifin, tempat kedua

Lt Kol Sufain Ahmad dan ketiga Puan Nor Fitri. Paling ditunggu dan menarik perhatian semua adalah Kuiz

“Who Wants To Be An ICT Genius”

dimenangi oleh Encik Rasyide bin Ramli dari BTMK, MTU.

Dengan penganjuran program ini diharap meningkatkan kesedaran dan peranan pentingnya BYOD di kalangan warga MinDef dan ATM sekaligus memberikan peluang kepada warga Mindef dan ATM bagi lebih mengenali dunia ICT dan Teknologi Maklumat dengan lebih terperinci serta menyeronokkan.



MINGGU KESIHATAN 2013



Artikel: Nurul Nazihah bte Mohd Baharim (Pelatih Politeknik)
Foto: Sjn Shahrulhezar bin Azizhan

Majlis Perasmian Minggu Kesihatan Kementerian Pertahanan Malaysia telah diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan pada 25 September 2013. Majlis ini telah dirasmikan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin. Minggu Kesihatan Kementerian Pertahanan telah mendapat sambutan baik daripada semua warga kementerian. Majlis turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor. Minggu kesihatan yang berlangsung selama tiga hari menawarkan khidmat kaunter antaranya Military Lifetime Health Record, Perkhidmatan Pergigian Angkatan Tentera Malaysia, Pemeriksaan Kolestrol dan sebagainya. Melalui pelaksanaan program seperti ini, kesedaran mengenai kepentingan pemeriksaan dan penjagaan kesihatan dapat ditingkatkan. Kesihatan yang baik menghasilkan perkhidmatan dan kerja yang berkualiti.





PERBARISAN PENYAMPAIAN BERET MERUN SAYAP PENERJUNAN 10 BRIGD PARA

Artikel: Wan Elfina bte Wan Kamarozaman (Pelatih Kolej Poly-TECH MARA)
Foto: Sjn Shahrulhezar bin Azizan



Kuala Lumpur, 28 Oktober 2013 yang lalu, Wisma Pertahanan telah menyaksikan satu penganugerahan Beret Merun Dan Sayap Penerjungan Kehormat kepada Kepala Staf Angkatan Darat (KASAD) Tentera Nasional Indonesia, Jeneral TNI Budiman dihadapan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Raja Mohamed Affandi Bin Raja Mohamed Noor. Dalam kunjungan tersebut, Jeneral TNI Budiman turut mengadakan Kunjungan Hormat Ke Atas Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Ahmad serta Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin. Seperti kebiasaannya pada tahun-tahun sebelum ini juga, penganugerahan ini adalah bertujuan untuk menyuntik semangat individu dalam memberi sepenuh fokus terhadap komitmen dan tugas yang diberikan.





PROGRAM INSPIRASI DAN APRESIASI USAHAWAN VETERAN ATM TIDAK BERPENCEN

Artikel: Kapt Mohd Hafiz bin Sabilan (MinDef Sabah)
Foto: Pbt Zaid Zaidy bin Zulkifli



Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Datuk Abdul Rahim Bakri telah merasmikan Program Inspirasi dan Apresiasi Usahawan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak Berpencen yang diadakan di Kudat Golf & Marina Resort, Kudat Sabah baru-baru ini. Program ini telah menarik minat para Veteran tidak berpencen untuk memajukan diri didalam bidang melibatkan keusahawanan dengan adanya program yang di anjurkan oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT). Seramai 50 orang Veteran Angkatan Tentera Malaysia tidak berpencen sekitar Daerah Kudat, Kota Marudu hadir pada program tersebut. Di akhir program ini YB Datuk Abdul Rahim Bakri turut menyampaikan Cek Pinjaman Tekun Negeri Sabah, kepada Masdin bin Kamlan wakil Veteran tidak berpencen sebanyak RM 18.000. Hadir sama Tan Sri Dato Sri Ilyas bin Hj Din (Pengurus PERHEBAT) dan Puan Liza Binti Bakar Ketua Pengarah PERHEBAT.

80 TAHUN - ATM PERKASA KEDAULATAN TERPELIHARA



Artikel: Wan Elfina bte Wan Kamarozaman (Pelatih Kolej Poly-TECH MARA)
Foto: Sjn Riau ak Ansang



Dataran Merdeka Kuala Lumpur telah digegarkan dengan Perarakan Raksasa ATM yang berlangsung seawal jam 8.00 pagi sempena sambutan Hari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Ke-80 yang bertemakan 'ATM Perkasa, Kedaulatan Terpelihara'. Perarakan yang disertai oleh kontingen-kontingen anggota perbarisan dan aset-aset ketenteraan dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan tersebut telah menarik perhatian puluhan ribu pengunjung dari pelbagai peringkat masyarakat.

Dalam perarakan tersebut, para pengunjung telah dikejutkan dengan terbang lintas dan pertunjukan udara oleh sebanyak 34 buah pesawat-pesawat pejuang, pengangkut dan helikopter milik ATM. Pesawat-pesawat TUDM yang terlibat adalah 8 buah Su-30MKM, 5 buah F/A-18D Hornet, 4 buah CN 235, 3 buah C130, 3 buah EC 725 dan 4 buah Nuri. Sementara Tentera Darat menampilkan 3 buah Agusta 109 dan Tentera Laut dengan 2 buah Fenec serta 2 buah Superlnyx.





Para pengunjung juga disajikan dengan persembahan payung terjun oleh 25 penerjun bebas dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan dan demonstrasi menyelamat tebusan oleh pasukan khas ATM. Perarakan Raksasa ini turut dimeriahkan lagi dengan acara pameran kerjaya ketenteraan yang terdiri daripada darat, udara dan laut serta aset ketenteraan dan persembahan kesenian ATM yang diadakan di padang Dataran Merdeka serta peluang kerjaya bagi pengunjung yang ingin menceburi bidang ketenteraan.

Turut hadir pada acara perarakan tersebut adalah Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Muhyiddin Yassin, Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim Bakri, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai-pegawai Kanan ATM.





PUSAT SEHENTI VETEREN BERI MANFAAT KEPADA VETEREN ATM

Artikel: Nor Hayati Binti Abdul Khalid (Pelatih UiTM)
Foto: Secretariat D, MTU

Pada 3 Oktober 2013 yang lalu, Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pusat Sehati Veteran 1Malaysia (1MV AP) bertempat di Pangkalan Udara Butterworth, Seberang Prai, Pulau Pinang. Tambahan lagi, Pangkalan Udara Butterworth telah terpilih sebagai salah satu Pusat Sehati Veteran 1Malaysia daripada 31 pusat di seluruh negara. Di bawah NBOS 7, penubuhan pusat ini termasuk dalam Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia.

Majlis dimulakan dengan memberi pengiktirafan kepada 53 orang veteran dengan pengurniaan Pingat Jasa Malaysia (PJM) di Dewan Setia sebagai penghargaan dan mengenang jasa terhadap perkhidmatan mereka. Di samping itu, penyampaian sumbangan oleh individu dan syarikat sempena sambutan Hari Pahlawan 2013 turut dilangsungkan.

Seterusnya, penubuhan Pusat Sehati Veteran adalah bermatlamat sebagai "one stop centre" yang akan berfungsi sebagai satu jaringan sosial di antara Veteran dengan JHEV ATM yang selama ini dilaksanakan oleh 9 buah Pejabat Cawangan di seluruh Negara di bawah "Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia" iaitu salah satu daripada 7 inisiatif.

Justeru itu, peranan penubuhan Pusat Sehati Veteran 1Malaysia ini adalah memberi perkhidmatan rujukan, pertanyaan dan khidmat nasihat kepada Veteran ATM yang tinggal berjauhan daripada Pejabat JHEV Cawangan Negeri. Selain itu, inisiatif ini dapat menyampaikan informasi terkini dalam kecekapan berhubung bantuan kebajikan kepada Veteran ATM dengan lebih efektif.





KURSUS KADAR BAKAL PTT (S) SIRI 1/2013 REJIMEN 502 ASKAR WATANIAH

Artikel : Soong Choi Leng
Foto : Kuo Tai Wei (Rejimen 503 Askar Wataniah)



Pada 1-30 September yang lalu, Rejimen 503 Askar Wataniah telah melaksanakan Kursus Kadar Bakal PTT (S) Siri 1/2013 dan melibatkan 67 orang peserta yang terdiri daripada Rejimen 502 Askar Wataniah, Rejimen 503 Askar Wataniah, Rejimen 515 Askar Wataniah, 11 SSD Askar Wataniah, 51 KOD dan 31 Worksyop.

Objektif kursus ini dilaksanakan adalah untuk melahirkan seorang PTT Rendah yang berkebolehan, berdisiplin serta berpengetahuan tinggi. Selain itu, kursus ini juga dapat menanam sikap tanggungjawab dan memahami tugas sebagai seorang Penolong Ketua Seksyen. Secara tidak langsung kursus ini dapat memberi pendedahan mengenai sifat-sifat seorang pemimpin rendah diperingkat seksyen yang berupaya mengawal dan memimpin anggota bawahanya. Seterusnya, ia juga dapat membina dan meningkatkan daya kecergasan mental dan fizikal seseorang anggota.

Sebagai syarat wajib kursus latihan yang ditawarkan oleh Rejimen 502 Askar Wataniah ini, anggota-anggota Askar Wataniah harus menamatkan kursus sehingga ditauliahkan menjadi Lans Koperal di dalam Rejimen Askar Wataniah.

Sepanjang tempoh kursus dijalankan, penuntut-penuntut akan dinilai daripada pelbagai aspek. Hasil penilaian yang telah dilakukan melalui kursus tersebut, terdapat beberapa orang penuntut telah dipilih untuk menyandang anugerah yang dinilai mengikut kemampuan dan markah tertinggi sepanjang tempoh kursus. Antara anugerah yang telah diperolehi ialah Penuntut Akademik Terbaik yang disandang oleh 6211532 SIG Shazril Imri bin Yahya, Penuntut Kawad Terbaik disandang oleh 6239454 Pbt Nur Syafrieza Syuhada bte Safiee, Penuntut Penembak Terbaik disandang oleh 6239573 Pbt Mohd Farhan bin Mohd Hatta, dan Penuntut Keseluruhan Terbaik disandang oleh 6204025 Pbt Mohd Haniff bin Zuhaimi, selaku Yang Dipertua sepanjang kursus tersebut.

Perbarisan penutupan kursus telah disempurnakan oleh YBhg. Brig Jen Prof Madya Hj Thantawi Jauhari bin Hj Ahmad. Komander Rejimen 502 Askar Wataniah. Turut sama hadir ialah Lt. Kol. Azman Shah bin Omar merupakan Timbalan Komander Rejimen 502 Askar Wataniah. Lt. Kol. Zainuddin bin Sipon sebagai Ketua Cawangan Latih serta pegawai-pegawai kanan Rejimen berkenaan.



RAYUAN TABUNG HARI PAHLAWAN



Oleh: Nurul Nazihah Binti Mohd Baharim
Foto: LU II Mohamad Sharel Affendi bin Idris

Pahlawan dianggap sebagai mereka yang berjuang untuk mempertahankan Negara serta sanggup bergadai nyawa demi keselamatan negara. Kini Angkatan Tentera Malaysia yang menggabungkan Tentera Darat Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, dan Tentera Udara Diraja Malaysia adalah pejuang sejati Negara.

Bagi menghargai jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan kepada negara, satu Majlis Pelancaran Kempen Tabung Pahlawan 2013 telah diadakan pada 4 September 2013 bersamaan hari Rabu pada jam 8.00 malam bertempat di Dewan Merdeka, Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Kempen tabung pahlawan 2013 ini dinaungi oleh isteri Perdana Menteri, YABhg Datin Seri Paduka Rosmah Mansor yang menyempurnakan majlis pada malam tersebut. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein selaku Penasihat Kempen Tabung Pahlawan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri yang juga pengerusi Jawatankuasa Induk Kempen Tabung Pahlawan 2013.

Majlis turut disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan YBhg Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Ahmad, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Bin Mohd Zin, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, menteri-menteri kabinet, Panglima-panglima perkhidmatan seperti Tentera Darat Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, para penderma serta pegawai kanan tentera dan awam.





Pelancaran kempen ini bertujuan untuk mengumpul dana sebagai mengenang jasa dan pengorbanan pahlawan-pahlawan yang terkorban dalam membantu balu dan anak-anak yang ditinggalkan serta anggota yang cedera semasa mempertahankan kedaulatan negara selain menjadi platform untuk menyemai dan menanam semangat patriotik dan cintakan negara Malaysia di dalam kalangan rakyat. Untuk tahun berikutnya tugas mengurus dan melaksanakan kutipan Tabung Pahlawan ini diserahkan sepenuhnya kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia.

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan persembahan oleh Dato' Siti Nurhaliza dan Jamal Abdillah yang turut sama bersetuju untuk membantu Kempen Tabung Pahlawan 2013. Dengan adanya Tabung Pahlawan ini, diharap dapat membantu sepenuhnya pahlawan-pahlawan kita yang memerlukan selain menjadi harapan kepada mereka untuk meneruskan kehidupan.

GO GREEN

MINDEF



Artikel: Nazrie bin Saini
Foto: Sjn Shahrulhezar bin Azizan

Pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S sudah tidak asing lagi bagi semua warga MinDef. Kita telah memahami istilah lima perkataan Jepun iaitu Seiri=Sisih, Seiton=Susun, Seiso=Sapu, Seiketsu=Seragam dan Shitsuke= Sentiasa Amal. Amalan ini meliputi pengetahuan dan teknik serta amalan praktikal di tempat kerja sepanjang masa. Selari dengan program tersebut pada 15 November 2013 yang lalu, Kementerian Pertahanan melalui Jawatankuasa Promosi 5S telah menganjurkan Program “Go Green MinDef” yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Y.Bhg Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad selaku pengerak utama program ini. Program pagi tersebut bertujuan bagi melancarkan Kempen “Go Green” Kementerian Pertahanan sebagai menyahut seruan kerajaan kearah perlaksanaan Kempen “Go Green” di dalam organisasi kerajaan selain mewujudkan jaringan kerjasama diantara semua warga MinDef.

Kempen “Go Green MinDef” adalah kesinambungan terhadap pelaksanaan Kempen Tandus Bersih 3B yang dilaksanakan pada tahun 2012 yang lepas. MAMPU juga telah memperkenalkan 3 bahagian baru dalam pelaksanaan Amalan Persekitaran 5S, iaitu Imej Korporat yang mana agensi kerajaan digalakkan menampilkan persekitaran lebih Korporat seperti pengurangan penggunaan label pada peralatan. Kedua ialah kreativiti dan Inovasi dimana agensi kerajaan disaran untuk menggunakan kreativiti bagi mencipta sesuatu yang baru dengan menggunakan barangan kitar semula serta amalan Go Green. Pada majlis tersebut juga, satu logo khas dicipta bagi menyokong dan menyemarakkan lagi sambutan serta pengamalan kempen tersebut.

Siri pengauditan kali ini telah menyaksikan Bahagian Akaun mengungguli carta dengan markah 98.36 % diikuti dengan Bahagian Kewangan dengan markah 98.34 serta Bahagian Pentadbiran sebanyak 98.12%. dari 13 bahagian dalam Kementerian Pertahanan hanya 9 yang layak menerima sijil Peghargaan markah 95% ke atas. Dalam pertandingan ini juga Bahagian Pentadbiran dipilih sebagai pemenang Anugerah Sudut 5S terbaik dengan markah penuh 100% dan sekali lagi memecah tradisi pemarkahan yang pernah dicapai oleh Bahagian Akaun. Selain itu, Zon Urus dari Bahagian Akaun memenangi tempat pertama dalam Anugerah Zon Terbaik diikuti dengan Zon Ixora dari Bahagian Kewangan dan ketiga milik Zon Al Fateh dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.






Kecemerlangan membentuk dan mengendalikan program 5S di Bahagian Kewangan telah mengiktiraf dan mengangkat Nurul Adlina bte Abd Aziz sebagai penerima Q-Manager Terbaik dan menerima wang serta sijil penghargaan dari Kementerian. Kementerian juga mengiktiraf sumbangan khas dari ahli-ahli zon dimana 3 ahli zon terbaik dipilih iaitu Puan Noraziah bte Mohamad Nasir daripada Bahagian Akaun, Cik Mariana bte Abdul Samad dari Bahagian Undang-Undang serta Puan Nur Haizan bte Che Awang dari Bahagian Kewangan dan masing-masing menerima sejumlah wang serta sijil penghargaan.

Dengan adanya program sebegini bukanlah dilihat sebagai satu beban namun diharap sebagai satu aktiviti yang menyeronokkan selain salah satu cara bagi menaikkan pemarkahan oleh pihak MAMPU ke atas pelaksanaan Program Amalan Persekitaran Berkualiti 5S yang juga menjadi kriteria dalam pelaksanaan Program Star Rating MinDef kelak. Diharap juga Kempen Go Green mampu mendidik dan menyemai amalan penjimatan utiliti serta sumber yang ada untuk menyelamatkan alam sekitar serta program Amalan Persekitaran Berkualiti 5S sentiasa memberikan impak positif, sentiasa berterusan serta relevan.

Bagi menghargai dan mengiktirafkan penat lelah serta sumbangan khas dalam pengauditan 5S, dua juruaudit dipilih sebagai Juruaudit Terbaik iaitu Zulkarnain bin Jamil dari Jabatan Hal Ehwal Veteran dan Fauzanah bte Mohamed Sharif dari Bahagian Pengurusan Maklumat.





ISSN 1311-1849
0-741511-1849-8
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
Jalan Peding Tembak, 50634 Kuala Lumpur
Tel : +603-2071 3890 / 4008
Fax : +603-2691 1757

Bantuan dari pihak Kementerian dan ATM semasa tragedi
Highland Towers pada tahun 1993